

Pelaburan RM6 bilion projek bekalan elektrik hijau

TBB wujud 14,000 peluang pekerjaan

Oleh SYED MOHD HAZIQUE SYED NOR

KUALA LUMPUR – Kerajaan menjangkakan 14,000 peluang pekerjaan dan nilai pelaburan baharu berjumlah RM6 bilion dapat diwujudkan bagi menyokong pembangunan industri Tenaga Boleh Baharu (TBB) negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia sebahagian langkah awal merencanakan lagi komitmen negara dalam peralihan tenaga dengan melaksanakan empat program serta pembaharuan sistem pembekalan elektrik.

“Pertama, kerajaan meluluskan peruntukan dan pengagihan semula kuota TBB sebanyak 1,200 megawatt (MW) bagi sumber solar.

“Ia akan diagihkan untuk pelaksanaan program di bawah mekanisme sedia ada termasuk New Enhanced Dispatch Arrangement (NEDA) dan program pemasangan solar di bumbung bangunan,” katanya ketika berucap merasmikan program Persidangan Tenaga Lestari (ISES) ke-5 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam.

Menurutnya, penerokaan kaedah pelaksanaan program TBB baharu seperti pembangunan taman solar (solar park), pembekalan elektrik untuk tujuan pusat-pusat data baharu serta penjanaan hidrogen hijau dan sebagainya.

Tambahnya, penyediaan opsyen baharu perolehan bekalan elektrik hijau kepada syarikat



ISMAIL SABRI (dua dari kiri) semasa melawat pameran Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) ke-5 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) semalam.

korporat melalui konsep Perjanjian Pembelian Tenaga Maya atau Virtual Power Purchase Agreement (VPPA), mulai suku tahun keempat 2022, dengan tawaran kuota 600MW.

Mengulas lanjut, beliau berkata, program kedua ialah melaksanakan inisiatif perintis pembangunan Pulau Tenaga Hijau di Pulau Redang dan Pulau Perhentian, Terengganu bagi menyediakan bekalan elektrik yang konsisten, mampu bayar dan rendah pelepasan karbon.

“Pengguna elektrik di kedua-dua buah pulau perangan itu akan menerima bekalan elektrik selama 24 jam menjelang 2025, sekali gus mengurangkan kira-

kira 70 peratus pelepasan gas rumah kaca,” ujarnya.

Jelasnya, bagi program ketiga pula, membangunkan kerangka Renewable Energy Certificate (REC) Kebangsaan yang jelas dengan tadbir urus dan kawal selia yang baik dan teratur, agar REC yang dihasilkan di negara ini mempunyai kredibiliti, telus dan nilai yang tinggi.

“Sementara bagi program keempat, menetapkan kerangka perundangan kawal selia keselamatan pembangunan infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik (EV) supaya aspek keselamatan awam dan pengguna terpelihara dan terjamin,” katanya.